

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (30)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2021-2022)
BILANGAN 4 TAHUN 2021**

Tarikh : 31 Mei 2021 (Isnin)
Masa : 10.30 Pagi – 11.53 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Komunikasi Korporat), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tiada.

3. PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada kali ini. Terlebih dahulu beliau mengucapkan tahniah kepada Puan TPr. Hajah Sharipah Marhaini binti Syed Ali yang telah dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar dan telah mengangkat sumpah jawatan sebentar tadi. Dalam masa yang sama ucapan tahniah kepada Encik Aznan bin Hj. Hassan yang telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha, MBPJ.

Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program-program yang dirancang Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan.



Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Operasi Prosedur Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Beliau memaklumkan, sepanjang tempoh PKP, operasi kerajaan dibuat secara 100% Bekerja Dari Rumah (BDR) kecuali aktiviti melibatkan 'frontliner' dan kelonggaran kepada operasi kewangan dan teknologi maklumat dengan had kehadiran tidak melebihi 20%. Perkara ini telah diputuskan di dalam mesyuarat Pengurusan MBPJ agar fungsi majlis tetap berjalan sepanjang tempoh PKP bermula 1 - 14 Jun 2021.

3.1 OPERASI PERKHIDMATAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) MBPJ

Majlis Bandaraya petaling Jaya telah menetapkan waktu operasi perkhidmatan (secara temu janji sahaja) bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini. Majlis juga boleh untuk meneruskan waktu operasi perkhidmatan ini jika tempoh PKP ini dilanjutkan ke suatu tarikh yang akan ditentukan kelak. Oleh itu, saya nasihatkan orang ramai agar merancang masa dengan sebaiknya jika hendak berurusan di Majlis. Segala maklumat terkini berkenaan waktu operasi perkhidmatan juga turut di muat naik ke dalam laman sosial rasmi Majlis seperti 'Facebook', 'Twitter' dan 'Instagram' .

Majlis terus proaktif dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran kepada warga Petaling Jaya. Namun demikian, warga Petaling Jaya adalah digalakkan untuk membuat bayaran secara atas talian (online). Pembayaran bil secara atas talian ini adalah sejajar dengan inisiatif Majlis ke arah 'counterless' selain mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 di mana masyarakat tidak digalakkan untuk keluar rumah dan melakukan segala urusan yang menyediakan perkhidmatan secara atas talian. Penyediaan bayaran secara atas talian ini juga merupakan sebahagian daripada norma baharu dalam kehidupan masa kini dan dapat menjimatkan kos kerana orang ramai boleh melaksanakan transaksi tanpa terhad kepada waktu pejabat.

Sehubungan itu, Majlis turut menyediakan perkhidmatan secara atas talian kepada masyarakat untuk kemudahan pelanggan berurusan dengan Majlis. Antara kemudahan perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SISTEM	PERKHIDMATAN
1.	Sistem Aduan Online	Pengurusan Aduan
2.	eCommerce Karung Kitar	Pengurusan Penjualan Beg Karung Kitar



3.	Sistem eLesen	Permit Perayaan Permit Sementara Permit Kerusi Meja Permit Siarkaki Permit Perniagaan Lesen Iklan Lesen Perniagaan Serta Merta Lesen Perniagaan Kritikal – Tidak Berisiko Lesen Perniagaan Kritikal – Berisiko Lesen Penjaja Lesen Pasar Awam Lesen Anjing Lesen Iklan Luaran Lesen Hiburan
4.	eMBPJ	Semakan Bayaran Kontraktor Semakan Cagaran Semakan Cukai Semakan Kompaun Semakan Sewaan ePerjawatan
5.	eTempahan	Tempahan Kemudahan Awam
6.	MyPark	Sewa Letak Kereta Bermusim dan Petak Merah
7.	eCOreloved	Pengurusan Penjualan Barang Terpakai
8.	eCOB	COB
9.	OSC Online	OSC
10.	eBuilding MBPJ	Sistem Pengurusan Bangunan
11.	Tender Online Selangor	Pengurusan Tender Selangor
12.	ePay@MBPJ	Pengurusan Pembayaran Pelbagai Jenis Bil-bil MBPJ
13.	ILMU	Semakan Peminjaman Buku dan Carian Buku Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya
14.	eTender	Pengurusan Pengiklanan dan Pemakluman Pelantikan Sebutharga dan Tender MBPJ
15.	Smart Enforcement PJ	Semakan dan Bayaran Kompaun MBPJ
16.	eCukai@MBPJ	Pengurusan Semakan dan Bayaran Cukai Taksiran
17.	Bazar@PJKITA	e-hailing
18.	Smart Parking Selangor	Pengurusan Bayaran Letak Kereta dan Bayaran Saman Letak Kereta
19.	PJ City Bus	Pemantauan Pergerakan PJ City Bus



3.2 BAHAYA ANCAMAN SIBER

Kepesatan di dalam era media digitalisasi banyak mempengaruhi kehidupan manusia sejagat. Komunikasi pada masa kini tidaklah semata-mata tertumpu kepada komunikasi dua hala secara berhadapan sahaja, malah komunikasi turut banyak dilakukan secara maya mahupun menerusi alam siber.

Pelbagai aktiviti dilakukan secara dalam talian kini. Namun, kecanggihan dan kepesatan ICT bukan saja mendatangkan kesan positif kepada kehidupan manusia, bahkan turut membawa kepada impak negatif yang boleh membahayakan kehidupan jika tidak diawasi dan ditangani sebaiknya. Kecanggihan ICT juga memberi maksud manusia perlu bersedia dengan pelbagai ancaman yang mampu merosakkan kehidupan menerusi serangan siber terhadap sistem serta rangkaian komputer. Serangan siber boleh berlaku dalam bentuk penghantaran virus melalui e-mel, spam, gangguan, ancaman penggodam, serangan virus, penafian perkhidmatan dan pencerobohan yang akan mengakibatkan kerugian besar serta menyebabkan kebocoran maklumat sulit syarikat mahupun kerajaan.

Majlis berharap agar semua kakitangan Majlis serta masyarakat sentiasa waspada dengan jenayah siber. Tidak dinafikan bahawa jenayah siber akan sentiasa ada selagi urusan dalam talian berlangsung. Oleh itu, beberapa langkah pencegahan boleh diamalkan bagi menjaga keselamatan siber seperti :-

- a) Pastikan kata laluan selamat
- b) Kemaskini perisian keselamatan
- c) Simpan dan lindungi maklumat
- d) Elak mudah terpedaya dengan pautan-pautan yang meragukan
- e) Beretika menggunakan internet, laman media sosial
- f) Fikir sebelum klik
- g) Ambil tahu ancaman siber terkini

Majlis Bandaraya Petaling Jaya saban tahun mengadakan Program Kesedaran Keselamatan ICT bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga MBPJ mengenai keselamatan maklumat dan data termasuk mengetahui jenis-jenis ancaman keselamatan siber masa kini serta tanggungjawab melindungi maklumat Majlis daripada kebarangkalian terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Program ini juga menggalakkan perkongsian dan percambahan idea kreatif dan berinovasi yang berorientasikan ICT dan memberi pendedahan kepada kakitangan dalam membudayakan keselamatan ICT ke arah perkhidmatan yang cekap dan berintegriti.



3.3 SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin mengingatkan kepada masyarakat setempat agar sentiasa berwaspada terhadap situasi denggi di Petaling Jaya. Atas faktor cuaca yang tidak menentu, Majlis khuatir pembiakan nyamuk aedes akan mudah berlaku di kawasan seperti premis kediaman atau tempat kerja sekiranya kerja-kerja pembersihan terutamanya bekas takungan air tidak dilakukan.

Untuk makluman, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke-18 sehingga 8 Mei 2021 adalah sejumlah 386 kes yang dilaporkan. Walau bagaimanapun jumlah kes ini mencapai penurunan sehingga 80 peratus (%) berbanding pada tahun 2020 iaitu 1,976 kes.

Bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk, Majlis ingin mengajak orang ramai untuk meluangkan masa 10 minit untuk membersihkan kawasan persekitaran kediaman masing-masing bagi mencegah dan mengelakkan pembiakan nyamuk aedes berlaku. Melalui pemeriksaan rutin oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ mendapati terdapat banyak tempat berisiko pembiakan nyamuk aedes berlaku di persekitaran rumah.

Hasil pemerhatian yang dilakukan, banyak bekas, botol atau takungan air tidak dilupuskan atau disusun dengan teratur sehingga menyebabkan berlakunya takungan air hujan. Keadaan ini akan menambah risiko kepada penduduk ekoran pembiakan nyamuk aedes yang tak terkawal. Justeru, Majlis memohon kerjasama semua penduduk untuk melakukan perkara seperti berikut:

- a) Memeriksa dan melupuskan semua bekas yang berpotensi menyebabkan pembiakan nyamuk aedes secara teratur.
- b) Menggunakan abate (ubat pembunuh jentik-jentik) dalam bekas menampung air yang tidak dapat dilupuskan.
- c) Menggunakan `repellent' nyamuk semasa menjalankan aktiviti luar rumah terutamanya pada waktu awal pagi dan lewat petang bagi menghalang gigitan nyamuk.
- d) Menyembur aerosol dalam rumah pada waktu lewat senja bagi membunuh nyamuk dewasa.



Berikut adalah senarai lokaliti wabak terkawal di Petaling Jaya.

Bil	Lokaliti Wabak Terkawal	Tarikh Tamat Wabak
1	Apartment Flora Damansara, PJU 8	12 Mei 2021
2	SS2	17 Mei 2021
3	SS3	15 Mei 2021
4	Flat Desa Mentari 2, PJS 6	12 Mei 2021
5	Tiara Kelana Kondo SS 7	20 Mei 2021
6	Sri Manja Square PJS 3	9 Mei 2021

Majlis menyeru agar masyarakat segera mengambil peluang semasa tempoh kawalan pergerakan ini untuk memeriksa dan membersihkan sekitar kediaman masing-masing agar pembiakan nyamuk aedes terkawal.

Beliau ingin memaklumkan bahawa hari ini merupakan hari terakhir perkhidmatannya sebagai Datuk Bandar di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan juga hari terakhir beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis.

Sehubungan dengan ini, beliau ingin merakam jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Pengarah Jabatan/Unit, barisan pegawai dan kakitangan Majlis yang memberikan kerjasama yang baik kepada beliau sepanjang berkhidmat di sini.

Beliau berbangga menjadi sebahagian daripada kejayaan dan anugerah yang diraih ini. Beliau turut berasa bertuah kerana dikelilingi oleh Ahli Majlis yang pelbagai bidang latar belakang profesional yang turut bersama-sama memberi idea, buah fikiran yang bernas serta mengetengahkan info-info atau maklumat-maklumat baharu dalam bersama-sama membuat keputusan ke arah melestarikan bandar raya Petaling Jaya.

Nama bandar raya Petaling Jaya amat dikenali di semua lapisan masyarakat. Pelbagai anugerah yang dicapai dan diraih diperingkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Selain menjadi PBT rujukan kepada PBT lain, Petaling Jaya juga dilihat acap kali menjadi peneraju kepada apa-apa inisiatif yang ditawarkan.

Beliau yakin MBPJ akan terus kekal ke hadapan dalam mengenengahkan idea dan pendekatan baru di dalam pentadbiran PBT.

Kepada pengurusan tertinggi dan kakitangan Majlis, terima kasih beliau ucapkan. Anda semua telah memberikan kerjasama, komited dalam menjalankan tugas selain menjalankan tugas yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh. Tanpa sokongan dan kerjasama anda semua, tidak mungkin beliau dapat mengemudi



bahtera ini secara berseorangan. Benarlah kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Akhir kata, beliau turut memohon maaf kepada semua jika terdapat sebarang kesilapan tutur kata sepanjang mentadbir Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Beliau yakin, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus maju selaras dengan visi Petaling Jaya Bandaraya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik Menjelang 2025.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022)

4.1.2 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 3 Tahun 2021 bagi penggal 2021/2022 bertarikh 27 April 2021 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:

5.1 LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022) YANG TELAH DIADAKAN PADA PADA 27 APRIL 2021.

Tiada.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 3 MEI 2021 DAN 19 MEI 2021.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (72))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (74))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.



**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 10 MEI 2021.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (127))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan), MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 11 MEI 2021.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (65))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.3.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:

- a) Encik Tang Fuei Koh membangkitkan isu vaksin dikalangan kakitangan Majlis di mana masih ramai yang belum di vaksin. Beliau berharap agar Majlis mengambil perhatian terhadap perkara ini memandangkan kakitangan perlu hadir bertugas menyiapkan tugas walaupun semasa PKP dan melibatkan urusan dengan orang awam yang hadir ke pejabat.
- b) Perkara yang dibangkitkan oleh Puan Norah binti Mansor bagi perkara 3 para 7.2.1 di muka surat 6 iaitu beliau memohon agat pemeriksaan berkala diadakan bagi mengelakkan kewujudan premis baru di kawasan tersebut.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 MEI 2021.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (63))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.



6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 21 MEI 2021.**
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (102))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 7.4.1 di muka surat 15 seperti berikut:

- a) Permintaan oleh Encik Leong Chee Cheng supaya Majlis melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas bengkel-bengkel kenderaan yang tidak mematuhi dasar Majlis yang telah menetapkan supaya bengkel kenderaan menyewa sekurang-kurangnya satu petak parkir.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 24 MEI 2021.** (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (62))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 4.1.2 c) di muka surat 13 seperti berikut:

- c) Mesyuarat bersetuju untuk memilih pilihan 1 iaitu pemaju tidak perlu membuat penambahbaikan tetapi perlu membayar caruman kepada Majlis untuk kerja-kerja menaiktaraf Jalan SS 7/2 kepada 'dual carriageway' yang tidak dilaksanakan.

6.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:

- a) Perkara yang dibangkitkan oleh Puan Rahibah binti Che Omar bagi perkara 3, para 4.3 di muka surat 4 memohon agar majlis mengutamakan keselamatan kanak-kanak sekolah dan pejalan kaki sekiranya pelaksanaan jalan sehala di sebahagian Jalan PJU 10/1, PJU 10 dibuat.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.



7. UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ****7.1.1 Ucapan Penghargaan**

Beliau bagi pihak semua Ahli Majlis mengucapkan terima kasih di atas kepimpinan YBhg. Datuk Bandar. Walaupun dalam tempoh dua (2) tahun satu (1) bulan, akan tetapi kepimpinan YBhg. Datuk Bandar adalah antara yang terbaik. YBhg. Datuk Bandar sentiasa memberikan sokongan dan memberi ruang untuk berkomunikasi walaupun tanpa temujanji membolehkan segala isu yang timbul dapat diselesaikan dengan segera.

Beliau dan rakan-rakan Ahli Majlis merasa kehilangan di atas pemergian YBhg. Datuk Bandar ke tempat lain. Maklumbalas daripada penduduk berkaitan kepimpinan YBhg. Datuk Bandar juga amat memberangsangkan dan kurang aduan berkaitan kepimpinan YBhg. Datuk Bandar.

Beliau mendoakan agar YBhg. Datuk Bandar sentiasa berjaya dan menjadi terbaik walau di mana sahaja beliau berkhidmat. Sekali lagi beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar.

YBhg. Datuk Bandar mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberi. Beliau tidak merasakan beliau terbaik cuma beliau mengamalkan prinsip di mana beliau ditempatkan beliau akan melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin dan bersungguh-sungguh. Walaubagaimanapun tanpa sokongan daripada Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan semua warga kerja MBPJ, beliau tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik.

Beliau berharap agar semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan warga kerja MBPJ memberikan sokongan dan kerjasama penuh kepada Puan TPr. Hajah Sharipah Marhaini binti Syed Ali yang telah dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar (TDB) dan telah membuat perakuan penerimaan jawatan sebentar tadi. Puan TDB akan menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar sehingga jawatan tersebut di isi. Kita perlu bekerja sebagai satu pasukan bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Walaupun kita sedang menghadapi kesukaran untuk menambah dana bagi tujuan penyelenggaraan dan pembangunan disebabkan pandemik Covid-19, kita akan cuba melaksanakan sebaik mungkin. Beliau percaya puan TDB boleh melaksanakan tugas memandangkan beliau mempunyai latar belakang perancangan pembangunan. Sepanjang berkhidmat dengan PBT, Jabatan Perancangan Bandar merupakan fungsi utama sebuah PBT bak kata pepatah 'fail to plan' atau 'plan to fail'.



Memandangkan Puan TDB hanya terdedah dengan perancangan sepanjang perkhidmatan beliau, YBhg. Datuk Bandar berharap agar Ketua Jabatan dapat memberikan sokongan terutama perkara-perkara berkaitan pentadbiran dan kewangan yang merupakan asas pentadbiran sesebuah PBT. Beliau berharap agar semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan semua warga kerja memberikan sokongan padu bagi menggerakkan MBPJ ke hadapan berbanding PBT lain.

YBhg. Datuk Bandar turut mengucapkan terima kasih kepada semua. Sepanjang berkhidmat dengan MBPJ beliau tidak mempunyai masalah terutama dari segi berkomunikasi dan hubungan baik. Tidak kira ditempatkan di mana, beliau akan memberikan perkhidmatan dan kerjasama terbaik. Yang penting menurut beliau sekiranya terdapat hujah atau rasa tidak puashati terhadap sesuatu perkara, perlulah ada fakta yang menyokong dan bukan semata-mata aduan tanpa asas atau tanpa bukti. Kita perlu melihat sesuatu perkara dari aspek yang luas dan menyeluruh bagi kepentingan seluruh penduduk Petaling Jaya.

Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun perpisahan dan sekiranya ada perkara yang hendak dibincangkan atau memerlukan pertolongan beliau bersedia untuk berjumpa.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh saya menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.53 pagi dan YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.



(TPr. HJH. SHARIPAH MARHAINI BINTI SYED ALI) P.P.T.,
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 2 Jun 2021



LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Wong Swee Sang, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Sugumaran a/l R Annamalai, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Anwar bin Nekhan, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Loyis Anak Uding, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.



16. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Sakinah Bibi Nagoor, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Ng Yih Miin, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Norah binti Mansor, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan,
Ahli Majlis, MBPJ.
26. Puan Chang She-Yun, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Encik Aznan bin Hassan, A.I.S.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



4. Tuan Ir. Hj. Ismail bin Shafie, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, – (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
7. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Landskap, MBPJ.
8. Puan Mahzura binti Mohd Amin, (Google Meet)
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.
9. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
10. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pelesenan, MBPJ.
11. Encik Lee Lih Shyan, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
12. Puan Norzita binti Mokhtar, (Google Meet)
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
13. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
14. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
15. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Puan Tee Tzu Fong, (Google Meet)
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy, (Google Meet)
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.



URUSETIA :

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

